

01 MAY 2003

Syria-Mahathir

SYRIA AKAN BINCANG ISU KONFLIK TIMUR TENGAH DENGAN DR MAHATHIR

Daripada: Ahmad Zaini Kamaruzzaman JMTM

DAMSYIK, 1 Mei -- Malaysia dan Syria akan membincangkan usaha untuk meningkatkan hubungan dua hala dan pelbagai isu mengenai konflik Timur Tengah ketika kunjungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu pada Ogos depan.

Dalam pertemuan dengan Presiden Bashar al-Assad, kedua-dua pemimpin dijangka membincangkan usaha ke arah kerjasama yang lebih rapat dan kukuh serta mendapatkan bantuan Malaysia dalam bidang ekonomi, sains dan teknologi serta pelancongan.

Timbalan Menteri Luar Syria Walid Muallim berkata Syria kagum dan menghargai kepimpinan Dr Mahathir yang bukan sahaja berjaya membangunkan Malaysia, malah keprihatinannya dalam membantu menyelesaikan masalah Timur Tengah menerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM).

"Syria menyanjung Malaysia, khususnya Dr Mahathir dan berharap sebagai anggota OIC dan NAM, kedua-dua negara boleh menjalin kerjasama lebih kukuh. Syria mahu mendapat manfaat hasil kejayaan Malaysia dalam bidang ekonomi, teknologi dan pelancongan.

"Agenda ekonomi amat penting bagi menggalakkan peniaga mengunjungi antara satu sama lain. Kunjungan ini bakal menjadi titik permulaan hubungan dua hala yang lebih rapat kedua-dua negara. Syria dan seluruh rakyatnya sedang menunggu ketibaan Dr Mahathir ke Syria," katanya dalam pertemuan dengan Pasukan Media Bersama Malaysia (JMTM) di pejabatnya semalam.

Hadir sama Duta Malaysia ke Syria Datuk Abdullah Sani Omar.

Walid juga berkata oleh kerana Dr Mahathir adalah pengerusi NAM dan bakal mengetuai OIC, beliau dan Bashar dijangka membincangkan secara serius isu berhubung penaklukan Iraq oleh Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya, keadaan di negara itu selepas penaklukan serta isu Arab-Israel, termasuk perdamaian di Palestin.

Mengenai sokongan negara Islam dan Arab terhadap cadangan Syria kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya diharamkan senjata pemusnah besar-besaran di Timur Tengah, beliau berkata sebagai Anggota Majlis Keselamatan, Syria mengemukakan cadangan berkenaan mewakili kumpulan negara Arab.

Katanya selain disokong oleh kumpulan Arab dan NAM, wakil Malaysia di PBB turut menyokong inisiatif Syria yang bertujuan mengelak ketegangan dan mencapai kestabilan berterusan di Timur Tengah berikutan kedegilan Israel keluar dari wilayah yang didudukinya di Palestin dan Syria.

Berhubung pandangan AS yang bersetuju tetapi memberi alasan ia tidak sesuai pada masanya sehingga penyelesaian komprehensif konflik Arab-Israel, Walid berkata ia sepatutnya menjadi permulaan kepada penyelesaian konflik berkenaan dan seterusnya mewujudkan keyakinan dan kestabilan di Timur Tengah.

Ditanya sama ada AS jujur dengan sokongannya itu beliau berkata: "Ia adalah soalan yang sukar untuk dijawab, tetapi sama ada AS berniat baik atau buruk, sejak beberapa dekad lalu kita tidak merasai kejujuran AS terhadap masalah di Arab. Apa yang kita lihat, AS lebih kepada Israel.

"Bagaimanapun, kita harap AS akan melihat secara lebih objektif mengenai masalah di wilayah ini."

Walid juga ditanya mengenai kemungkinan AS mengenakan sekatan perdagangan terhadap Syria berikutan dakwaan negara itu memiliki senjata kimia dan melindungi pemimpin Iraq yang lari selepas penaklukan negara itu.

Beliau berkata ia tidak akan memberi kesan teruk kepada ekonomi Syria kerana ia tidak menerima sebarang bantuan dari AS, sebaliknya syarikat AS, termasuk dalam sektor petroleum tidak dapat perniagaan di negara ini.

Mengenai pendudukan haram Israel terhadap wilayah Syria di Bukit Golan, Walid berkata bagi Syria ia amat mudah jika rejim Yahudi itu mematuhi resolusi Majlis Keselamatan PBB dan perbincangan serta proses damai yang diusahakan sejak penaklukan pada 1967.

"Kita mahu inisiatif itu dipatuhi kerana ia adalah penyelesaian kepada konflik Arab-Israel. Justeru, ia bukan terserah kepada kita, sebaliknya terpulang kepada Israel mematuhi keputusan PBB," katanya.

-- JMTM